

0218

R B788 DEB
LEAD PROTON
(I)

SHAH ALAM, 9 JULAI (BERNAMA) -- DALAM HUJAN RENYAI MODEL PERTAMA PROTON SAGA, KERETA BUATAN MALAYSIA, DILANCARKAN OLEH PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, DI SINI PAGI INI.

KIRA-KIRA 1000 ORANG TETAMU, TERMASUK DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH, MENTERI BESAR SELANGOR, DATUK HAJI AHMAD RAZALI ALI, MENTERI-MENTERI KABINET DAN PARA DIPLOMAT, MENYAKSIKAN UPACARA SELAMA SEJAM ITU DARI EMPAT BUAH KHEMAH BESAR YANG MELINDUNGI MEREKA DARIPADA HUJAN.

UPACARA PELANCARAN BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI, SETENGAH JAM LEWAT DARIPADA JADUAL, AKIBAT HUJAN LEBAT YANG MENYEBABKAN KESESAKAN LALULINTAS.

SEBELUM MELANCARKAN KERETA PROTON SAGA YANG PERTAMA DI KILANG PEMASANG KERETA NASIONAL ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENANAM SEPOHON POKOK SAGA DI KAWASAN KILANG ITU.

TEPAT PADA PUKUL 10.30 PAGI, PERDANA MENTERI MENEKAN BUTANG UNTUK MELANCARKAN KELUARAN PERTAMA KERETA SEDAN EMPAT PINTU BERWARNA BIRU. -- LAGI.

1503MST 09 07 85

LEAD PROTON 2 SHAH ALAM
(I)

DATUK SERI DR. MAHATHIR, DENGAN DIIRINGI OLEH PENERUSI HICOM, TAN SRI DATUK JAMIL MOHAMED JAN, KEMUDIAN MEMANDU KERETA PROTON SAGA ITU.

DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH DAN DATUK HAJI AHMAD RAZALI, YANG TIDAK MAHU MELEPAS PELUANG, BERGILIR-GILIR MEMANDU SEBUAH KERETA PROTON SAGA BERWARNA HIJAU METALIK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PENERIMA PERTAMA PROTON SAGA IALAH YANG DI-PERTUAN AGONG.

SEPULUH BUAH KERETA PROTON SAGA KEMUDIAN DIPAMERKAN KEPADA PARA TETAMU.

ANTARA ULASAN YANG DIDENGARI DARIPADA MEREKA IALAH +BERGAYA DAN ELOK+, +BOLEHKAH ORANG TINGGI MENAIKINYA?+ DAN +SEBAGAI KERETA MALAYSIA, HARGANYA HENDAKLAH LEBIH MURAH, KIRA-KIRA \$15,000.+

EDARAN OTOMOBIL NASIONAL (EON) JUGA MENDIRIKAN PONDOK KHAS DI KILANG ITU HARI INI BAGI MEMPERCEPATKAN PESANAN UNTUK KERETA ITU YANG AKAN DILANCARKAN SECARA PERDAGANGAN SEPTEMBER INI. -- BERNAMA.
1505MST 09 07 85